# Tajuk 1 Pengenalan Ilmu Ketamadunan Dalam Pembinaan

History and relations between Islamic civilization and Malay civilization in Malaysia.
Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian utama; Bahagian I – Tasawuf: Serangan dan Sanggahan dan Bahagian II –Kritikan Rasul Dahri: Penilaian Semula. Menerusi perbincangan dalam Bahagian I, penulis menyanggah semula pelbagai pertuduhan dan tohmahan yang dilemparkan terhadap tasawuf. Tujuannya untuk membersihkan fitnah yang dipalitkan kepada tasawuf secara kritis melalui wacana intelektual demi mempertahankan kebenaran dan kesucian tasawuf di sisi Islam. Bahagian II pula secara khusus untuk menepis dan menjernihkan cercaan dan cemuhan yang ditusuk oleh Rasul Dahri terhadap tasawuf menerusi bukunya, Bahaya Tarikat Sufi/Tasawuf Terhadap Masyarakat (1998). Hujah yang dikemukakan menerusi buku ini bertujuan membuktikan kebenaran dan kesucian tasawuf selain hujah yang mempertahankan tasawuf daripada belenggu pelbagai fitnah yang menyebabkan pandangan serong dan kefahaman keliru masyarakat.
KESYUKURAN yang setulus dan tidak ter?kira dirafakkan ke hadrat ALLAH kerana dengan keizinan-NYA jua buku Merintis Kecemerlangan Islam: Sumbangan, Cabaran dan Masa Hadapan Umat Muhammad ini dapat disempurnakan penulisannya. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad, pembawa obor kebenaran dan pembina tamadun insan sejagat. Selawat dan salam juga kepada para sahabat, keluarga serta pengikut baginda hingga ke hari kiamat. Buku ini ditulis berdasarkan satu hasrat iaitu sebagai pelaksana

amanah agar ilmu yang sedia ada walaupun sedikit, dapat disebarluaskan. Ia juga merupakan satu realisasi daripada arahan Rasulullah yang menggesa “sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat.”

As the sole purveyors of news and opinion, Reconstruction-era newspapers bent and spindled American public opinion with little regard for independent journalism and great regard for party politics. The issues facing the nation were momentous, and opinions on how to deal with the problems were vigorously presented and defended. Using editorials, letters, essays, and news reports that appeared throughout the country's print media, this book reveals how editors, politicians, and other Americans used the press to influence opinion from 1865 to 1877.

Naskhah Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z ini merupakan kumpulan makalah terpilih yang telah dibentangkan dalam Seminar SEBAHTERA 2017, iaitu Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu yang menggabungkan para cendekiawan daripada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Malah, tema seminar tersebut juga diangkat menjadi judul naskhah ini. Antara yang menarik dalam naskhah ini ialah cara untuk mendepani cabaran dalam mentransformasikan Pengajian Melayu pada era generasi X, Y dan Z yang mempunyai karakteristik, cabaran dalam struktur kurikulum, transformasi dalam bahan dan kaedah pengajaran serta penyelidikan, di samping cabaran yang perlu ditangani dalam Revolusi Industri ke-4 serta kesannya terhadap generasi Z. Selain itu, fenomena “Folklor Bandaran” dalam kalangan generasi Z di negara kita juga diberikan perhatian kerana fenomena ini wujud sebagai kesinambungan tradisi lama yang menggambarkan perubahan pemikiran dan kreativiti masyarakat dalam mendepani era

kontemporari. Oleh itu, sepenjulat akal fikiran, perlu dikaji tentang kecenderungan generasi Z memahami dan mendalami warisan budaya mereka di sebalik pengaruh besar gajet dan aplikasi moden dalam kehidupan seharian mereka.

I have compressed this essay into a few pages. Had it been possible I would have reduced it to as many lines. It is not meant to be an instructional treatise, but a practical recipe for getting out of trouble. Study and research are well in their own time and place, but no amount of either will get you out of a concrete difficulty. Nothing but practical work in your own consciousness will do that. The mistake made by many people, when things go wrong, is to skim through book after book, without getting anywhere. Read the Golden Key several times. Do exactly what it says, and if you are persistent enough you will overcome any difficulty.

Collective biography of Malaysian authors and their works.

Apakah sumbangan orang Melayu dalam sains dan matematik? Persoalan ini dibincangkan di bawah istilah etnosains dan etnomatematik, seperti yang diterokai oleh gabungan pengarang dalam buku ini. Sumbangan etnosains dan etnomatematik di Alam Melayu berakar umbi bersama sejarah dan budaya yang membentuk acuan ilmu yang penuh dengan sistem nilai tempatan dan serantau. Apabila rantau Melayu terjajah oleh kolonialisme Barat, maka penulisan sejarah telah berubah paradigma daripada rantau yang mempunyai tamadun yang agung kepada rantau jajahan yang menjulang tinggi budaya Barat yang memisahkan ilmu daripada nilai. Ilmu tradisi umat Melayu terpinggir dalam penulisan acuan kolonialisme, kerana secara beransur-ansur penjajahan bukan sahaja berlaku terhadap fizikal dan geografi tetapi juga sejarah, pemikiran dan minda. Ilmu yang berteraskan sains dan matematik yang lahir daripada budaya Melayu-Islam seperti mantik, penghujahan, pemikiran kefalsafahan,

perdebatan sufisme, pelayaran, seni perubatan, pengiraan takwim, kalendar dan musim, seni bina, retorik dan ketatabahasaan, pancalogam, persenjataan, tenunan dan warisan yang lain, semakin terpinggir dalam penulisan umat Melayu. Pendokumentasian yang dilakukan penjajah diwarnakan oleh sistem nilai mereka di bawah paradigma kolonialisme, yang lebih memetik aspek khurafat atau kelemahan berbanding pemikiran mantik yang lebih saintifik. Hingga kini, keagungan pemikiran etnosains dan etnomatematik Melayu masih tersorok dalam lipatan sejarah, Maka, menerusi tulisan beberapa tokoh ilmuwan tempatan, sebahagian aspek tersebut dihuraikan dalam buku ini, sebagai percubaan pentakrifan domain kajian dan diharapkan akan menjadi bidang yang penting dalam epistemologi etnografi Melayu pada masa akan datang.

Issues on social aspects of Islam and Malay civilization; collected articles.

Thought of Malay civilization from several aspects.

Mawl?n? ?Ubayd All?h Sindh?, selepas ini disebut "Shaykh" berpendapat bahawa kitab ?ujjat All?h al-B?lighah, selepas ini disebut "?ujjat All?h" bukannya kitab fikah, bukannya kitab ta?aw?f dan bukan juga kitab tafsir. Kitab ini dikarang oleh Sh?h Wal? All?h untuk menerangkan rahsia agama dan ?ikmahnya terkandung dalam ?ad?th-?ad?th Nabi (S.A.W.). Dengan tujuan ini, maka semua ?ad?th ?a??? dalam Isl?m tidak terkeluar daripada kandungan kitab ini; tetapi apabila pengarangnya mentafsirkan ?ad?th-?ad?th ini secara 'aql?, kebanyakan orang yang tidak memahaminya menganggap bahawa kitab ?ujjat All?h tidak merangkumi semua ?ad?th, sedangkan yang sebenarnya tidak demikian. Malah kitab ini dari awal hingga akhir merangkumi daripada ?ad?th-?ad?th ?a??? dalam Isl?m. Shaykh berpendapat, pengarang kitab ini meninggalkan kepada kita banyak karangan. Bagi setiap

bidang ilmu terdapat satu kitab, tetapi untuk memahami kitab-kitab itu para pembaca perlu memahami kitab ?ujjat All?h ini. Sesiapa yang tidak memahami kitab ?ujjat All?h ini tidak mendapat habuan untuk memahami kitab-kitab lain yang ditulis oleh Sh?h Wal? All?h. Tambahan pula, kebanyakan karangan beliau adalah dalam bahasa Parsi kecuali kitab ?ujjat All?h, kerana Sh?h Wal? All?h berada pada zaman pemerintahan Sultan ??lamgir yang mengiktiraf bahasa Parsi sebagai bahasa rasmi. Hanya kitab ?ujjat All?h ditulis dalam bahasa ?Arab supaya dapat disebarkan kepada seluruh umat Isl?m, penyebarannya tidak dikhususkan kepada umat India sahaja. Pengenalan ini dipetik daripada nota tulisan tangan oleh ?aji N?k ‘Abdull?h bin ?aji Wan M?s? dari Kota Bharu, Kelantan. Beliau belajar kitab ?ujjat All?h daripada Shaykh semasa mereka berada di Makkah. Salasilah pembelajaran kitab ?ujjat All?h al-B?lighah ini diterima secara bermata rantai daripada guru kami Shaykh Mu?ammad ??lleh Fikr? bin ?aji Wan M?s?, [lihat lampiran 4] dan abangnya ?aji N?k ‘Abdull?h bin ?aji Wan M?s?, [lihat lampiran 3] Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan daripada gurunya Shaykh ?Ubayd All?h al-Sindh? al-Dihlaw? [lihat lampiran 2] daripada gurunya Shaykh al-Hind? Mawl?n? Ma?m?d bin ?asan al-Deoband? daripada Shaykh al-Isl?m Mawl?n? Mu?ammad Q?sim al-Nanutaw? daripada Shaykh Mu?ammad Is??q al-Dihlaw? daripada neneknya sebelah ibu iaitu Im?m ?Abd al-?Az?z al-Dihlaw? daripada ayahnya Al-Im?m ?ak?m al-Hind al-Shaykh Wal? All?h bin ?Abd al-Ra??m al-Dihlaw?. Kepakaran Sh?h Wal? All?h dalam pelbagai bidang ilmu Isl?m diterangkan secara ringkas oleh Shaykh Mu?ammad ??lleh Fikr? bin ?aji Wan M?s?, al-Wal? All?hiyah dalam lampiran [1] yang kami sertakan di akhir buku ini. Semua huraian dalam [] yang ditaip condong adalah huraian oleh Mawl?n? ?Ubayd All?h al-Sindh? yang dicatatkan oleh ?aji N?k ‘Abdull?h bin ?aji Wan M?s? yang kami terjemahkan ke bahasa Melayu,

melainkan catatan yang dinyatakan penulisnya. Sekian.

On Malay literature in the perspectives of feminism and Islam.

MUKADIMAH SOLAT SEMPURNA Solat adalah ibadah utama selepas kesaksian terhadap keesaan Allah dan kerasulan Nabi Muhammad. Membandingkan ibadah solat dengan ibadah-ibadah lain mungkin dapat menjelaskan keunikan dan keutamaannya. Solat untuk Semua Ibadah zakat memerlukan material berupa harta kekayaan yang mencukupi jumlahnya dan sebahagiannya perlu cukup kiraan setahun tempoh pemilikannya. Beruntung mereka yang dikurniakan limpahan harta kekayaan hingga berpeluang mengerjakan ibadah yang mulia ini. Namun bagaimana pula mereka yang tidak berharta atau tidak mampu mengeluarkan zakat? Pasti timbul rasa terkilan bagi mereka yang berpendapatan rendah atas kegagalan melaksanakan tuntutan Allah ini. Namun, berbeza dengan solat, ia diwajibkan ke atas siapa sahaja yang mencapai usia matang tanpa mengira status kehidupan mahu pun kekayaan. Kelayakan minima solat ini membolehkan ibadah ini dilakukan oleh semua orang Islam.Solat, Pelerai Status Sosial amat mengharukan apabila melihat jemaah di dalam masjid yang menunaikan solat bersama tanpa mengira pangkat dan darjat. Seorang kaya yang berjubah mahal bersolat di samping seorang tukang kasut berbaju lusuh. Seorang menteri berpangkat tinggi sujud di sebelah seorang

penganggur entah dari mana. Walau berbeza darjat dan kasta, namun mereka menyembah Tuhan yang sama, bersujud kepada seorang Pencipta yang satu. Menakjubkan, bagaimana ibadah solat ini merungkai segala ikatan egonisme dan melerai tembok materialis yang memisahkan seorang manusia dengan manusia yang lain. Namun dalam solat, mereka hanya hamba-hamba Allah yang bersujud kepada-Nya. Membezakan kedudukan mereka, hanya ketakwaan. Solat, Perniagaan Tanpa Modal Ibadah haji yang dikerjakan berpuluh ribu manusia di Makkah setiap tahun adalah syiar global Islam di dunia. Ia simbol universal agama Islam dan umatnya. Namun, ibadah haji menuntut keperluan yang tinggi dari segi kos perjalanan yang meningkat setiap tahun dan peruntukan masa yang sukar dipenuhi. Malah kepadatan kuato jemaah haji yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi juga menjadi penghalang kepada seorang Islam menunaikan ibadah teragung ini. Natijahnya tidak ramai yang berpeluang mengerjakan haji, dan kalau pun berpeluang, tiada jaminan ibadahnya sempurna. Justeru, ibadah haji adalah tuntutan yang memerlukan modal terlalu besar untuk dilakukan, sekali gus menyekat penyertaan ramai individu Muslim.Tetapi sebaliknya bagi solat. Ia adalah satu-satunya ibadah berganjaran besar tanpa memerlukan modal besar. Solat tidak menuntut kos pengangkutan yang tinggi kerana ia boleh dilakukan di mana sahaja. Justeru, ia juga tidak perlu

dihadkan dengan kuato tertentu kerana tempat solat tidak ditentukan pada suatu negeri tertentu. Rasulullah pernah menceritakan mengenai kelebihan baginda dan umatnya dibandingkan dengan para nabi dan umat mereka yang lain. Antara kelebihan itu ialah Allah menjadikan seluruh muka bumi ini tempat bagi orang Islam menunaikan solat. Solat, Pintu Pertama ke Syurga Ibadah yang diwajibkan ke atas orang Islam adalah anak kunci bagi mereka membuka pintu-pintu syurga dan mengunci pintu-pintu neraka. Setiap ibadah yang dilakukan dengan sempurna melayakkan seorang hamba bergerak hampir kepada Allah dan syurga-Nya. Pada ibadah zakat terdapat pintu untuk dibuka, pada ibadah haji dan umrah juga terdapat pintu untuk ke syurga. Begitu juga dengan ibadah-ibadah yang lain. Namun begitu, solat mempunyai kedudukan istimewa kerana ia adalah pintu pertama yang perlu dibuka sebelum sampai kepada pintu-pintu lain.Rasulullah pernah berpesan bahawa amalan pertama yang dihitung ialah solat. Sekiranya solatnya baik, dia akan berbahagia dan beruntung. Sekiranya rosak, dia pasti menyesal dan rugi. Ini memberikan gambaran jelas mengenai keutamaan solat dibandingkan dengan ibadah-ibadah yang lain. Tidak kira berapa juta ringgit disumbangkan sebagai sedekah atau zakat, tidak kisah berapa kali seorang itu menunaikan haji dan umrah, sekiranya dia meninggalkan solat, semua ibadah yang lain tidak berguna.Ironiknya, ibadah paling tidak

eksklusif, tanpa modal dan kelihatan terlalu mudah inilah yang paling bernilai di sisi Allah. Mengapa tidak, semua orang boleh membayar zakat, menunaikan haji, berpuasa dan mengucapkan syahadah. Namun tidak semua orang mampu menjaga waktu solat fardu yang perlu dilakukan setiap hari. Solat adalah connection langsung seorang hamba kepada Penciptanya tanpa perantaraan material atau manusia lain. Hanya takwa dan iman yang mampu menggerakkan seorang hamba menyembah-Nya lima waktu setiap hari. Mencari kesempurnaan dalam solat, pembaca perlu terlebih dahulu memahami, solat adalah ibadah paling istimewa. Ia adalah talian pantas untuk terus berhubung dengan Allah. Solat adalah ibadah unik yang perlu dipelihara dan dikerjakan dengan sempurna. Hanya dengan memahami hakikat ini, seorang hamba dapat berusaha mendirikan solat dengan sempurna. Catatan Penulis Buku Solat Kalis Zaman Buku ini bukan buku pertama saya dalam subjek solat, malah yang ketiga. Sebelum ini saya menulis buku Soal Jawab Remeh Temeh tentang Solat dan Ensiklopedia Solat. Kedua-dua buku ini membahaskan solat dengan cara berbeza. Buku pertama berbentuk soal jawab dan buku kedua pula adalah buku rujukan lengkap bergambar. Melalui konsep soal jawab, saya dapat mengetengahkan pelbagai persoalan yang biasa dialami siapa sahaja dalam solat. Metode ini tidak memerlukan saya menghuraikan satu persatu bab solat

dari awal hingga akhir. Sudah tentu pembaca yang sudah mengerjakan solat berpuluh tahun juga tidak berminat mengetahui perkara terlalu asas dalam solat. Tetapi persoalan yang sering dihadapi pembaca adalah perkara yang remeh. Misalnya, kebanyakan pembaca sudah mengetahui semua rukun dalam solat, tetapi masih keliru apa yang perlu dilakukan sekiranya meninggalkan satu atau dua rukun atau terlebih rukun.Justeru, berdasarkan maklum balas pembaca buku ini, saya rumuskan teknik soal jawab berdasarkan senario ini lebih mudah diterima pembaca.Ensiklopedia Solat pula adalah buku rujukan yang padat dengan gambar sebagai panduan pembaca. Pengalaman menulis buku, artikel dan rencana sebelum ini menyedarkan saya betapa sukarnya menggambarkan peristiwa atau perbuatan melalui tulisan. terutama apabila terpaksa menerangkan kadar perbuatan, kadar masa dan jarak. Sudah tentu keadaan ini berlaku kerana pemahaman setiap orang berbeza bagi perkara yang subjektif seperti ini. Namun begitu, melalui Ensiklopedia Solat, semua masalah itu dapat diselesaikan melalui gambar fotografi dan lukisan. Pembaca tidak perlu lagi memeningkan kepala membaca ulasan panjang lebar. Lihat sahaja pada gambar-gambar, dengan mudah ilmu dapat disampaikan. Saya kira ini adalah buku panduan solat terlengkap dan interaktif pernah dihasilkan dalam bahasa Melayu. Anda Bertanya Ustaz Menjawab mengenai SOLAT… Berbekalkan pengalaman

mendidik dua ‘anak’ yang berbeza kelebihan dan kekurangan, memberikan kelebihan besar bagi mendidik ‘anak’ ke tiga. Buku yang berada di tangan pembaca kini adalah gabungan dua metode berbeza yang disatukan. Keistimewaan metode soal jawab disatukan bersama kelebihan panduan bergambar, serta ditambah pula dengan susun letak berkonsepkan majalah. Tidak cukup dengan itu, buku ini dipersembahkan dalam empat warna. Semua kelebihan ini menjadikan buku ini begitu istimewa.Bukan mudah bagi sebuah penerbitan tempatan menerbitkan buku agama seperti fikah semewah ini kerana kos yang tinggi. Namun PTS melangkah dengan berani apabila memutuskan menghasilkan buku agama dengan spesifikasi menyamai buku memasak, majalah hiburan dan buku-buku mewah lain. Hilang Separuh Nyawaku Sejarah penghasilan buku ini dramatik. Pertama kali disusun letak, ia dibuat dalam hitam putih. Namun pihak pengurusan PTS meminta buku ini dihasilkan berwarna. Sudah tentu saya sebagai penulisnya paling teruja. Kerana itu, kerja-kerja susun letak yang terpaksa dilakukan semula, saya lakukan sendiri di pejabat dan di rumah. Lebih dua bulan saya mengorbankan tidur malam semata-mata demi buku ini. Akhirnya ia siap juga.Namun apakan daya, ujian melanda apabila komputer riba yang mengandungi semua fail buku ini dicuri! Hilang separuh nyawaku…Buku pada tangan anda ini adalah rekaan ke tiga selepas kecurian itu.

Malah susun letak yang terakhir ini juga terpaksa dilakukan penambahbaikan sebanyak tiga kali bagi menjamin mutu dan kualitinya.Saya mendoakan agar kerja keras saya dan rakan-rakan yang berhempas pulas menyiapkan buku ini diterima sebagai amal kebajikan buat kami di negeri sana nanti. Selamat Bersolat dengan Sempurna

Originally published in 1964, this volume gathers together extracts from many of Arberry’s best-known works and supplements them with a selection of previously unpublished translations. The material therefore presents a vivid picture of the richness and variety of Islamic civilization from its origins to the late twentieth century.

Collective biography of Malay educators.

Role of Muslim scholars in development of philosophy and mathematics; collected articles.

Study and teaching of Malay poetry for high school students in Brunei.

Civilization.

Buku ini menghimpunkan koleksi artikel yang berkaitan dengan kursus-kursus yang diajar oleh para pensyarah dalam Gugusan Pengajian Liberal di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Memahami kelompangan dokumentasi yang menghimpunkan pelbagai disiplin

ilmu dalam satu buku, maka penerbitan ini dihasilkan dengan harapan dapat menyediakan sumber rujukan kepada para pelajar yang mengambil kursus-kursus elektif di PPIB khususnya Pengajian Liberal. Buku ini diharapkan bermanfaat kepada para pelajar dari institusi lain baik dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang turut menawarkan pengajian umum atau liberal dalam struktur pengajian akademik masing-masing. Buku ini juga sesuai untuk para akademia dan penyelidik dalam bidang berkenaan. Walaupun bersifat agak ilmiah dengan perincian konsep-konsep dari perspektif serta epistemologi ilmu tertentu, buku ini juga difikirkan sesuai untuk bacaan santai kerana citranya berkonsepkan pengajian global dan pengetahuan umum yang diharapkan mampu dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat.

Selama ini tamadun rumpun Melayu hanya terkenal dengan pencapaian dalam bidang bukan sains, kejuruteraan dan teknologi (SAKTI) sahaja. Usaha membuktikan adanya pencapaian yang tinggi dalam SAKTI juga masih kurang dilakukan. Justeru, gagasan penulis, iaitu pemeribumian ilmu, khususnya dalam ilmu sains matematik diperkenalkan sejak 1990-an. Pemeribumian ilmu ialah ekskavasi ilmu karya sarjana berbahasa Melayu sejak abad kesatu Masihi (kerajaan Funan dan Campa di Indochina) hinggalah abad ke-20 Masihi,

penilaian semula ilmu tersebut, dan sekali gus ilmu kini juga, mengikut perspektif rumpun-Melayu-Islam. Satu daripada tanda pencapaian sains sesebuah tamadun ialah adanya istilah dan konsep khusus tentang unit pelbagai sukatan benda. Buku ini membicarakan unit-unit sukatan yang dapat dijejaki dalam peribahasa rumpun Melayu (Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan lain-lain kesemuanya diistilahkan oleh sarjana Barat abad ke-19 M dahulu sebagai Malayonesia dan Malayuwiyah oleh sarjana Patani abad yang sama). Buat pertama kalinya, kewujudan pelbagai unit sukatan yang piawai, agak piawai dan belum terpiawai dalam sukatan bilangan, jisim atau berat, panjang (kelebaran, ketinggian dan kedalaman), luas, isi padu, dan masa serta gabungannya yang sesetengahnya mendahului tamadun lain sezamannya, didedahkan secara tuntas. Hal yang lebih menarik lagi ialah paparan banyaknya sukatan perkara-perkara yang subjektif seperti tahap perasaan (kegembiraan, kesedihan, kemurungan dan sebagainya), kekacauan, kekayaan, kemiskinan, kejahatan dan sebagainya yang dalam sains matematik kini dikelaskan sebagai benda-benda yang dibicarakan dalam bidang yang agak besar yang dinamakan sains matematik kabur. Buku ini dapat membantu pembaca memperoleh kekuatan dan keuculan jiwa hamba dalam membina semula keyakinan diri terhadap kekuatan kebudayaan silam tamadun Malayonesia/Malayuwiyah, dan tidak kurang

pentingnya mampu memberi kesedaran dan keinsafan tentang adanya potensi kebudayaan sendiri dalam mewarnai dan melakar jejak baharu dalam sains kini. This book presents a thematic treatment of Islamic civilisation. Each of the fourteen chapters comprising this book treats at least one of the major themes that are characteristic of this youngest religiously-based civilisation of the world. The author’s thematic approach is primarily meant to promote a better appreciation of the living nature of Islamic civilisation. The book’s content provides ample evidence that Islamic civilisation is not merely a passing historical phenomenon. The various themes it discusses clearly demonstrate the continuing relevance of Islamic civilisation to the present and future humanity. Carroll Quigley was a legendary teacher at the Georgetown School of Foreign Service. His course on the history of civilization was extraordinary in its scope and in its impact on his students. Like the course, The Evolution of Civilizations is a comprehensive and perceptive look at the factors behind the rise and fall of civilizations. Quigley defines a civilization as "a producing society with an instrument of expansion." A civilization's decline is not inevitable but occurs when its instrument of expansion is transformed into an institution--that is, when social arrangements that meet real social needs are transformed into social institutions serving their own purposes regardless of real social needs.

Siri Visual Pelangi KBSM diterbitkan khas untuk memudahkan pemahaman murid terhadap sesuatu mata pelajaran. Persembahan teks dalam bentuk rajah, carta, jadual, dan gambar foto yang menarik dapat mencungkil minat murid untuk belajar di samping merangsang kreativiti mereka. Susunan teks yang lengkap dan sistematik berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran yang terbaharu membolehkan murid menguasai mata pelajaran dengan mudah. Soalan yang pelbagai pula dapat merangsang murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Thoughts of Munshi Abdullah, Za?ba, and Mahathir Mohamad on socioeconomic conditions, politics, culture, Islam, and Malay nationalism.

Historical development of Islam and civilization in Andalusia.

Buku Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) ini merupakan buku ilmiah yang menerangkan tentang ilmu ketamadunan, terutamanya tentang tamadun-tamadun di Asia termasuk budaya dan falsafahnya. Buku ini menumpukan kepada perkembangan Tamadun Islam serta interaksinya dengan tamadun-tamadun dunia yang lain. Ia juga menonjolkan Tamadun Islam sebagai contoh utamanya. Buku ini menepati sukatan pelajaran pengajian Tamadun Islam dan Asia yang diwajibkan kepada para penuntut di Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US). Buku ini bertujuan untuk mempercambahkan perbincangan berkaitan ilmu ketamadunan di institusi pengajian tinggi dan

membuka minda penuntut tentang pengajian dunia dan memahami aspek-aspek penting ilmu ketamadunan. Pengajian ini juga akan merintis jalan ke arah pemikiran global, kritis, rasional dan terbuka. Setiap bab menyentuh tentang aspek-aspek penting ketamadunan termasuklah sejarah, agama dan falsafah, tradisi dan budaya asli serta kedatangan Barat dan pengaruhnya. Buku ini juga mampu memberi pengetahuan dan gambaran betapa masyarakat Asia umumnya dan masyarakat Islam serta masyarakat Melayu khususnya telah pun mempunyai tamadun sendiri yang unggul dan sesuai dengan keadaan semasa. Oleh itu, diharap buku ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang keseluruhan konsep dan ilmu ketamadunan.

Rasyid Rida merupakan tokoh tafsir yang terkemuka. Idea, buah fikiran dan gagasan yang dilontar dalam karyanya Tafsir al-Manar boleh dijadikan panduan kepada umat Islam seluruhnya. Malahan agenda pembaharuan Islam yang diperjuangkan olehnya membawa pengaruh kepada perkembangan Islam khususnya di alam Melayu. Pembaharuan dalam beberapa bidang termasuk tafsir berjaya me-martabatkan pengajian tafsir ke tahap sewajarnya dengan menggunakan pelbagai metode, corak dan gaya dalam mentafsir al-Quran. Antara bentuk tafsir yang diketengahkannya menyentuh pelbagai aspek merangkumi agama, politik, masyarakat dan sebagainya. Rasyid Rida berusaha

menghub-ungkan ajaran al-Quran dengan masyarakat di samping membuktikan Islam sebagai agama universal, abadi dan sesuai dengan perkembangan zaman. Penerapan juga dilakukannya dalam sistem politik dengan mengemukakan gagasan kesatuan umat Islam sambil menolak sekularisasi Barat yang mem-isahkan agama dengan pentadbiran negara. Aliran pemikiran ini memberi kesan mendalam kepada perkembangan gerakan Islam khususnya di Malaysia. Tafsir al-Manar jugaadalah menifestasi da-ripada pemikirannya dalam memahami kandungan al-Quran. Idea-idea beliau yang terarah kepada pembaharuan Islam dalam aspek agama, pendidikan, sosial dan politik wajar diketengahkan supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Penulisan buku ini juga mengenal pasti sumber dan metodologi yang digunakan oleh Rasyid Rida dalam mentafsir ayat al-Quran serta mengeten-gahkannya secara ilmiah sebagai rujukan kepada individu dan masyarakat

Copyright: 1d317849c34310184478fde20d1f082d